

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 10/10/2013

Muka surat: 4

Tajuk : UNIMAS Anjur Minggu Seni Budaya Dan Warisan.

UNIMAS anjur Minggu Seni Budaya dan Warisan

KOTASAMARAHAN:Jabatan Seni Liberal, Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini kembali dengan penganjuran Minggu Seni Budaya dan Warisan (MSBW) Ke-9.

MSBW bagi sesi 2013/2014 bertema 'Akar Budaya Semarak Seni', menjadi acara tahunan anjuran FSGK yang turut melibatkan pelajar tahun pertama hingga tahun akhir bagi program Pengurusan Seni, Jabatan Seni Liberal fakulti tersebut.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Fatimah Abang, penganjuran MSBW pada kali ini bertujuan memartabatkan warisan kesenian yang lahir

daripada budaya asal dalam masyarakat kita.

"Tema MSBW kali ini iaitu 'Akar Budaya Semarak Seni' membawa maksud tersendiri iaitu mengangkat martabat warisan kesenian di samping mempersembahkan kesenian budaya asal dalam masyarakat.

"Kesenian budaya asal tersebut termasuk dari segi seni persembahan, seni kraf tangan, seni lukisan, kesenian tradisional mahupun kontemporari," katanya ketika menyampaikan ucap tama pada Majlis Perasmian MSBW di sini semalam.

Fatimah berkata MSBW juga bertujuan mendedahkan pelajar-pelajar kepada bidang pengurusan dan penganjuran aktiviti yang kreatif, inovatif dan berteknologi di samping sebagai aplikasi kepada ilmu

yang dipelajari ke dalam bentuk praktikal.

Beliau yang menggantikan Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi percaya melalui penganjuran MSBW tersebut ia juga menyumbang kepada pemeliharaan dan kesinambungan seni, budaya dan warisan bangsa di negara ini.

"Rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum di samping mengamalkan pelbagai agama dan cara hidup.

"Melalui MSBW ini, ia boleh menjadi saluran pemeliharaan corak kesenian yang dilestarikan sebagai khazanah dan warisan bangsa yang amat tinggi nilainya," katanya.

MSBW kali ini diadakan selama empat hari, bermula semalam (9 Oktober) sehingga

12 Oktober ini di Laman Seni dan Panggung Eksperimen, FSGK, UNIMAS.

Pelbagai aktiviti menarik turut disajikan kepada orang ramai antaranya ialah Malam Tarian Etnik Kreatif, Malam Akustika Budaya dan Malam Kenyalang yang bermula pada jam 8 malam diikuti beberapa aktiviti sampingan pada siang hari seperti bazar seni, pameran seni, demonstrasi permainan tradisional dan banyak lagi.

Orang ramai yang berminat bolehlah hadir sepanjang MSBW diadakan bagi mengetahui dan mengenali budaya dan kesenian Malaysia.

Hadir sama pada majlis perasmian tersebut ialah Dekan FSGK Profesor Madya Dr Hasnizam Abdul Wahid dan Ketua Jabatan Seni Liberal Dr Noria Tugang.



SIMBOLIK: Fatimah memetik tali sape tanda perasmian Minggu Seni Budaya Warisan sesi 2013/2014 di Kota Samarahan, semalam.